

16-6-2026

PBAPP labur RM2.9 bilion kukuhkan bekalan air Pulau Pinang



GEORGE TOWN: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) melabur hampir RM2.9 bilion bagi melaksanakan 12 projek bekalan air utama dalam tempoh lima tahun akan datang bagi memastikan negeri itu mempunyai sumber air mencukupi untuk menyokong pertumbuhan ekonomi menjelang 2031.

Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Ir K Pathmanathan, berkata penggunaan air di Pulau Pinang dijangka meningkat 34.3 peratus daripada 865 juta liter sehari (JLH) pada 2025 kepada sekurang-kurangnya 1,162 JLH menjelang 2032.

"Trajektori pertumbuhan sosioekonomi Pulau Pinang menuju 2032 tidak boleh dikompromi atau tertangguh akibat kekangan bekalan air. Justeru, PBAPP bersama Kerajaan Persekutuan komited sepenuhnya untuk menyiapkan 12 projek air utama menjelang 2031 bagi memenuhi unjuran peningkatan penggunaan air," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) ke-26 PBA Holdings Bhd di sini hari ini, yang turut dihadiri Ketua Menteri Pulau Pinang, Chow Kon Yeow.

Pathmanathan berkata enam projek di bawah Pelan Kontingensi Air 2030 (WCP 2030) sedang dilaksanakan termasuk pembinaan Loji Rawatan Air (LRA) Taman Mengkuang, LRA Sungai Kerian, Skim Bekalan Air Sungai Perai serta LRA Sungai Muda.

Menurut beliau, projek berkenaan akan meningkatkan kapasiti maksimum rawatan air PBAPP sebanyak 478 JLH serta mengurangkan kebergantungan kawasan Seberang Perai terhadap bekalan air terawat dari LRA Sungai Dua.

Beliau berkata PBAPP turut melaksanakan dua projek saluran paip utama air terawat yang membolehkan sehingga 600 JLH air disalurkan dari Sungai Dua ke bahagian pulau menjelang 2030, berbanding kapasiti 400 JLH ketika ini.

Selain itu, sebuah lagi LRA berkapasiti 80 JLH di Sungai Kerian sedang dibangunkan melalui kaedah Bina-Kendali-Pindah (BOT).

Pathmanathan berkata Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) pula melaksanakan lima projek utama termasuk pembinaan empangan baharu di Sungai Muda, pembesaran Empangan Mengkuang, pembangunan sumber air mentah Sungai Kerian, pembinaan muka sauk di Teluk Bahang serta kajian komprehensif sumber air mentah Pulau Pinang.

Sementara itu, Chow berkata PBA Holdings Bhd mencatatkan hasil sebanyak RM568.44 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025, meningkat daripada RM527.60 juta pada tahun sebelumnya.

Beliau berkata kira-kira 85 peratus atau RM483.20 juta hasil berkenaan dijana oleh PBAPP melalui jualan air.

Menurutnya, syarikat turut mengumumkan dividen lima sen sesaham bagi tahun kewangan 2025, termasuk dividen akhir 2.75 sen sesaham yang diluluskan pemegang saham pada AGM hari ini.

Jumlah pembayaran dividen itu mencecah RM9.1 juta dan akan dibayar pada 24 Julai ini, walaupun berdepan peningkatan perbelanjaan cukai.